

# Sastera Melayu Singapura pasca 1965



By **Juffri Bin Supa'at**

Librarian  
Lee Kong Chian  
Reference Library  
National Library

*“Sudahkah para penulis kita mengambil dan merakamkan isu-isu atau masalah-masalah masyarakat yang paling penting dan hangat? Adakah para penulis kita digerakkan oleh permasalahan dan penderitaan masyarakatnya?”*

Hadijah Rahmat, *Sastera & Manusia Melayu*, Kumpulan esei & wawancara, ms. 137

Singapura pernah menjadi pusat perkembangan sastera Melayu moden. Ini dapat dilakukan dengan begitu berkesan sekali kerana Singapura ketika itu juga berfungsi sebagai pusat penerbitan dengan terdapatnya alat-alat percetakan moden yang dibawa masuk dari barat. Secara tidak langsung, menjadi daya tarikan kepada bakat-bakat dari seluruh rantau ini yang bercita-cita untuk mengembangkan dan meluaskan peluang penulisan mereka.

Gelombang kesusasteraan Melayu ini menjadi begitu terkesan terutama dengan tertubuhnya Angkatan Sasterawan '50 (ASAS '50) pada 6 Ogos 1950 yang dianggotai oleh para penulis muda ketika itu seperti Masuri S.N., Muhammad Ariff Ahmad, Keris Mas dan Asraf yang berperanan sebagai pemacu gerakan sastera di rantau ini ketika itu.

Akan tetapi, selepas tahun 1965, tahun Singapura berpisah dengan Malaysia dan menjadi sebuah negara merdeka, ramai orang beranggapan bahawa dunia kesusasteraan Melayu Singapura seakan-akan mengalami kelesuan. Anggapan ini dikukuhkan lagi apabila perpisahan ini mengakibatkan ramai

penulis Melayu seperti Usman Awang dan Keris Mas yang “berhijrah ke Singapura kembali ke kampung halaman mereka masing-masing” dan “dengan sendirinya pusat perkembangan sastera Melayu berpindah dengan pulangnya para penulis Melayu yang berasal dari Tanah Melayu ke tanahairnya” (A. R. Kemalawati, 1984).

Meskipun ramai yang bertanggapan begitu, sastera Melayu di Singapura tetap berkembang. Walaupun perkembangan tersebut tidak serancak sebelum perpisahan tetapi “malangnya perkembangan kesusasteraan Melayu Singapura selepas peristiwa ini tidak banyak diketahui dan tidak banyak diperkatakan orang” (Mohd Latiff Mohd, 1982).

Masih terdapat karya-karya sastera yang masih terus dilahirkan walaupun menurut Masuri (1983), kebanyakan karya sastera Melayu di Singapura, terutama yang dihasilkan pada tahun 1965–1969 masih lagi terikat dan terkait dengan sastera Melayu di Malaysia. Hal ini berlaku kerana pada tahun-tahun awal perpisahan ini para penulis karya kreatif di Singapura “masih terus merasakan bahawa mereka adalah sebahagian dari masyarakat penulis di Malaysia” kerana penggunaan bahasa dan media yang sama. Oleh itu, kegiatan penulisan ini masih lagi diteruskan “secara sebadan dan senyawa dengan perkembangan sastera Melayu dalam erti yang seluas-luasnya.”


Selain pengaruh bahasa, budaya dan hubungan Singapura dan Malaysia yang masih terkait, kehadiran para penulis seperti Masuri, Harun Aminurashid (Har) dan Muhammad Ariff Ahmad (Mas) daripada generasi awal masih terus mempengaruhi lapangan kesusasteraan tanahair. Oleh itu, corak identiti sastera Singapura masih tidak banyak




Karya Masuri S.N. dalam bentuk stensilan, 1977.



Contoh karya dalam bentuk stensilan, 1977.



Hak cipta terpelihara, Pustaka Nasional, 1976.



Hak cipta terpelihara, Pustaka Nasional, 1996.

perbezaan. Antara karya sastera yang dihasilkan pada masa ini ialah drama *Adam Kena Hujan* oleh Mas, kumpulan puisi *Bunga Pahit* oleh Masuri S.N. dan novel *Sultan Mahmud Shah Melaka* dan *Peristiwa Laksamana Cheng Ho ka-Melaka* oleh Har.

Novel *Mail Mau Kawin* yang terbit pada tahun 1976 merupakan novel yang pertama ditulis oleh penulis Singapura selepas tahun 1965 dan mempunyai tema dan latar berkisar kehidupan moden di Singapura. Novel *Mail Mau Kawin* tulisan Mas telah menyentuh kehidupan generasi muda Singapura yang cuba mencari tempat dalam arus pesat perbandaran dalam mengejar impian mereka. Tema yang sedemikian mungkin sebagai cerminan keadaan pada tahun 70-an; tahun-tahun pembangunan bandar. Pada masa yang sama, masyarakat Melayu cuba menyesuaikan diri dengan keadaan hidup yang berbeza; perpindahan dari kampung ke rumah pangsa serta perubahan lanskap ekonomi Singapura ketika itu yang bergerak ke arah perindustrian.

Pada tahun-tahun 70-an juga muncul kumpulan penulis-penulis muda seperti Mohamed Latiff Mohamed, Djamil Tukimin, Haron Abdul Majid, Noor Hidayat, Bahri Rajib dan Ajaki yang melahirkan karya-karya yang agak berbeza dengan penulis-penulis generasi sebelumnya.

Namun, karya-karya yang dihasilkan masih lagi berkisar kepada tema dan latar yang berkaitan dengan perpisahan dua negara tersebut. Hal ini mungkin berlaku disebabkan perpisahan yang agak mengejutkan itu. Banyak karya sama ada yang berbentuk cerpen atau puisi memaparkan kemiskinan dan ketegangan politik dalam tahun-tahun 60-an. Karya-karya yang mewarnai kehidupan masyarakat Melayu ketika itu hinggalah ke detik perpisahan seperti yang terdapat dalam antologi cerpen *Dua Persimpangan*.

Pada masa itu juga, kebanyakan penerbitan sastera tersiar di suratkhbar, surat berita persatuan-persatuan bahasa dan sastera selain dalam bentuk stensilan. Persatuan Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Singapura umpamanya telah menerbitkan *Jejak Kembara* yang "diketahui oleh Rasiah Halil dan Hadijah Rahmat" (Mana Sikana, 2003, ms. 24).

Sekumpulan penulis-penulis muda sudut penulis Perpustakaan Toa Payoh pula telah menerbitkan siri *Gema Pustaka*. Siri ini memuatkan tulisan ahli kumpulan tersebut menjadi wadah untuk mengasah "bakat ahli-ahli yang masih berada di tahap percubaan" (A Rahim Basri, 1985).


Pada akhir tahun-tahun 80-an dan 90-an, perkembangan yang menarik berlaku dengan kemunculan ramai penulis muda yang kebanyakannya dilahirkan selepas tahun 1965. Selain terlibat dengan kegiatan-kegiatan persuratan melalui pertubuhan yang sedia ada, tumbuh juga kumpulan-kumpulan seperti Kupuja (Kumpulan Pemuisi Remaja) yang juga merupakan anggota muda ASAS '50 dan KAMUS (Kumpulan Angkatan Muda Sastera).

Pada tahun 1994, terbit beberapa buah novel yang dihasilkan daripada bengkel penulisan sastera remaja yang diadakan di Singapura pada November 1992 dan Februari 1993 anjuran Badan Kesenian Melayu Singapura, Mendaki dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Antaranya ialah *Nazri Aswandi* dan *Rindu Emilia* tulisan Mohd Rafi Abu Bakar dan Junaidah Mohd Sali. Tema novel-novel ini berkisar kehidupan remaja seperti konflik dalam persekolahan dan cinta yang berlatarkan kehidupan di kota Singa ketika itu.


Pada dekad ini juga beberapa orang penulis yang mula bergiat pada awal 80-an telah mula mengorak langkah dan memperlihatkan ketajaman mata pena mereka. Dua orang penulis daripada mereka ialah Isa Kamari dan Johar Buang. Isa Kamari membina tapak karya-karyanya bersandarkan sejarah yang mempunyai daya penceritaan tersendiri melalui novel-novelnya seperti *Satu Bumi*, *Atas Nama Cinta* dan *Memeluk Gerhana*. Johar Buang pula menjadi pengorak sastera berbentuk sufi melalui cerpen dan puisinya. Antara karya beliau termasuklah *Kisah seorang zahid* dan *Perahu Melayu di lautan Khulzum*.

Sayembara sastera yang sering dianjurkan pada dekad-dekad kebelakangan ini juga merupakan satu dorongan untuk menggalakkan penghasilan karya seperti Sayembara Watan I & II serta Sayembara Novel Temasik. Novel-novel yang dihasilkan telah memaparkan berbagai isu masa kini yang menyentuh keadaan masyarakat, pendidikan dan ekonomi. Sayembara Novel Watan umpamanya telah menghasilkan lebih daripada 20 buah novel. Antara karya-karya yang ialah *Kesal* oleh Mohd Ikhlas Abdullah dan *Kuman* oleh Dehliez.

Kini, dengan pelbagai inisiatif untuk mengembangkan kesenian di Singapura, sudah tentu kita dapat menjangkakan hasil-hasil karya yang lebih




Hak cipta terpelihara, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.




*Gema Pustaka 5*. Hak cipta terpelihara. Sudut Penulis Perpustakaan Cawangan Toa Payoh, 1985.





Hak cipta terpelihara, Pustaka Melayu Publisher, 1998.



Hak cipta terpelihara, Jahabersa, 2006.

menarik dan bermutu tinggi daripada para penulis kita pada masa hadapan. Mungkin juga terdapat ruang dan wadah untuk para penulis bereksperimen dan menggabungkan pelbagai media untuk melahirkan karya sastera yang lebih dinamik.

Yang pasti, kita dapat menjangkakan bahawa sastera Melayu di Singapura akan terus berkembang sebagaimana yang berlaku pada pasca 1965. Secara sedar atau tidak, kesinambungan ini telah membina laluan untuk mengembangkan jalur kesusasteraan Singapura. Meskipun berbeza, sastera Melayu Singapura tetap turut sama memberikan sumbangan bermakna dalam pembangunan sastera Melayu di nusantara disamping mencari peluang meneroka ruang-ruang persuratan di persada dunia.

Penulis menghargai usahasama Tajudin Jaffar, Setiausaha, Majlis Bahasa Melayu Singapura, yang mengulas makalah ini.

### SINGAPORE MALAY LITERATURE POST-1965

Before 1965, Singapore was the centre of publishing in the region. This was due in part to the wealth of modern printing equipment it owned in advance of its neighbours, which attracted Malay authors from far and wide who sought to expand their publishing opportunities. In this way, Singapore played a key role in the development of modern Malay literature.

After the separation of Singapore from Malaysia in 1965, many anticipated that Singapore Malay Literature would face a bleak future, especially with the departure of many literary giants in the community — such as Usman Awang and Keris

Mas — who decided to leave Singapore for their home country. Instead, Malay literature in Singapore continued to flourish despite the initial slow pace of development, and we can expect it to continue to grow.

Although differing from other bodies of Malay literature in the region, Singapore Malay Literature makes a significant and meaningful contribution to the development of Malay Literature as a whole, while simultaneously exploring opportunities on the global stage. ■

### RUJUKAN

1. A. R. Kemalawati. (1984, March 29). Singapura main peranan. *The Straits Times*.
2. Dehliez (2002). *Kuman*. Singapura: Pustaka Nasional.
3. Hadijah Rahmat (1998). *Sastera dan manusia Melayu baru. Kumpulan esei & wawancara*. Persatuan Wartawan Melayu Singapura.
4. Harun Aminurrashid (1967). *Sultan Mahmud Shah Melaka*. Singapura: Pustaka Melayu.
5. Harun Aminurrashid (1969). *Peristiwa Laksamana Cheng Ho ka-Melaka*. Singapura: Pustaka Melayu.
6. Haron A. Rahman. (1983, January 18). Muncul generasi penulis berjiwa keSingapuraan. *The Straits Times*.
7. Isa Kamari (1998). *Satu bumi*. Singapura: Pustaka Melayu Publisher, 1998.
8. Isa Kamari (2006). *Atas nama cinta*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
9. Isa Kamari (2007). *Memeluk gerhana*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
10. Johar Buang (1992). *Kisah seorang zahid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. Junaidah Mohd Sali (1994). *Rindu Emilia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
12. Mana Sikana (2003). *Sastera Singapura dan Malaysia di era pascamoden*. Singapura: Persama Enterprise.
13. Mas (1966). *Adam kena hujan*. Kuala Lumpur: Marican.
14. Mas (1976). *Mail mau kawin*. Singapura: Pustaka Nasional.
15. Masuri S.N. (1967). *Bunga pahit*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
16. Mohd Ikhlah Abdullah (2002). *Kesal*. Singapura: Pustaka Nasional.
17. Mohd Latiff Mohd & Gunawan Jasmin (1977). *Dua persimpangan: Satu antologi cerpen*. Singapura: Solo Enterprises.
18. Mohd Latiff Mohd. (1982, December 14). Dua penulis muda selepas 1965. *The Straits Times*.
19. Mohd Latiff Mohd. (1982, November 30). Hasil karya sastera Melayu lepas 1965. *The Straits Times*.
20. Mohd Rafi Abu Bakar (1994). *Nazri Aswandi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
21. *Sedekad hadiah sastera 1973–83*. (1983). Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura.
22. *Gema Pustaka 5*. (1985). Singapura: Perpustakaan Negara Singapura.